

15 OCT 1998

Mohtar-Laporan

LAPORAN SIASATAN POLIS DIHANTAR TERUS KEPADA PENDAKWA RAYA

KUANTAN, 15 Okt (Bernama) -- Setiap laporan berkaitan penyiasatan polis dihantar terus kepada Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya supaya boleh diteliti dan diputuskan sama ada terdapat kes untuk didakwa atau sebaliknya, kata Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah hari ini.

Beliau berkata orang lain tiada kena mengena untuk mendapatkan hasil laporan penyiasatan itu.

"Adalah menjadi tanggungjawab polis untuk mengemukakan kertas siasatan kepada Pendakwa Raya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pejabat Timbalan Pendakwa Raya di Mahkamah Tinggi Kuantan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang berkata laporan awal mengenai penyiasatan ke atas dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau dipukul polis akan dihantar terus kepada Peguam Negara.

Mohtar bagaimanapun berkata sehingga kini beliau belum menerima laporan mengenai penyiasatan ke atas dakwaan Anwar itu.

Beliau berkata keputusan untuk membawa apa-apa juga kes ke mahkamah dibuat setelah Pendakwa Raya berpuashati bahawa siasatan polis menghasilkan keterangan yang mencukupi untuk pendakwaan prima facie.

Semasa ditanya mengenai keputusan Mahkamah Majistret Pontian yang melepaskan tanpa membebaskan seorang pemandu lori daripada tuduhan membunuh, beliau berkata ia merupakan contoh bahawa penyiasatan awal yang dijalankan perlu mempunyai keterangan yang cukup bagi menjalankan pendakwaan.

Katanya, bagi kes itu, setakat ini keterangan yang ada tidak mencukupi untuk menjalankan pendakwaan memandangkan laporan kimia yang berkaitan dengan sebab-sebab kematian masih belum disediakan.

Pada 3 Okt lepas, Mahkamah Majistret Pontian melepaskan tanpa membebaskan pemandu lori, Khasiran Jamari, 27, daripada tuduhan membunuh empat anggota keluarga isterinya di Kampung Parit Hussin, Benut, pada 7 Jun lepas.

Majistret Mohammad Haldar Abdul Aziz membuat keputusan itu setelah Pegawai Pendakwa, Ketua Insp David Chung memberitahu mahkamah bahawa beliau menerima arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya agar Khasiran dilepaskan daripada tuduhan itu.

-- BERNAMA

ROS AKD